

30/04/2003

Syria harap bantuan Malaysia jika AS sekat dagangan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DAMSYIK: Syria yang menerima tekanan Amerika Syarikat (AS) kerana didakwa memiliki senjata pemusnah besar, mengharapkan bantuan Malaysia jika negara itu dikenakan sekatan perdagangan.

Syria yang menyanjung tinggi Malaysia dan kepimpinannya, yakin negara ini bersedia membantu berdasarkan hubungan rapat serta keupayaan dan kemahiran Malaysia untuk dimanfaatkan oleh negara berkenaan.

Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Syria, Dr Rateb Salaah berkata, jika AS mengenakan sekatan perdagangan, Syria boleh mengharapkan negara lain, khususnya Malaysia untuk membangunkan pelbagai bidang, terutama ekonomi negara itu.

"Syria dapat mempelajari kepakaran Malaysia untuk menjana ekonomi dan perdagangan, terutama bidang maklumat, komunikasi dan teknologi.

"Hubungan dua hala Malaysia dengan Syria bertambah erat sejak Kuala Lumpur membuka kedutaannya di sini Februari tahun lalu, yang disusuli dengan lawatan beberapa orang menteri bagi mengadakan rundingan dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan, ICT dan pelancongan," katanya kepada kumpulan wartawan Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM), di sini semalam.

Dr Rateb berkata, hubungan Malaysia-Syria dijangka meningkat dan diperhebatkan lagi oleh usahawan kedua-dua negara apabila Perdana Menteri

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Syria tidak lama lagi.

Beliau mengakui isu Iraq menjadi halangan terhadap hubungan Syria-AS, tetapi jika benar sekatan perdagangan dikenakan, ia tidak menjejaskan negara itu kerana jumlah perdagangan yang kecil antara kedua-dua negara.

"Imbangan perdagangan hanya USD60 juta (RM228) juta saja. Sekatan tidak akan membawa makna. Lagi pun, barangan daripada AS, seperti yang berteknologi tinggi, boleh didapati di mana-mana saja, termasuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerjasama perdagangan dengan Malaysia, yang telah lama wujud, boleh dipertingkatkan terutama berkaitan produk perindustrian elektronik yang menjadi keluaran utama Malaysia.

"Syria yang sedang membangunkan negara dan reformasi ekonomi memerlukan bantuan daripada negara seperti Malaysia yang bersedia menawarkan latihan vokasional, meningkat perkhidmatan, sumber manusia dan IT. Bagaimanapun, ia bukan bermakna kita tidak mahu bekerjasama dengan AS," katanya.

Beliau melihat sekatan perdagangan sebagai sesuatu yang bersifat sementara kerana 'setiap masalah akan dibawa ke meja rundingan.'

Dr Rateb berkata, bantahan terhadap penaklukan AS ke atas Iraq bukan bermakna Syria menyokong rejim Saddam Hussein, sebaliknya berpendapat peperangan akan memburukkan penderitaan rakyat Iraq. - JMTM

